

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Penukaran Baki-i CIMB Islamic. Pastikan anda juga membaca dan memahami set penuh Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Penukaran Baki-i dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB Islamic yang boleh didapati di laman web kami di <a href="http://www.cimb.com.my">www.cimb.com.my</a>.</p> <p>Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am.</p>	<p>CIMB Islamic Bank Berhad</p> <p>Penukaran Baki-i</p> <p>Tarikh: 24 Ogos 2024</p>						
<p><b>1. Apakah produk ini berkenaan?</b></p>							
<p>Penukaran Baki-i CIMB Islamic (“Penukaran Baki-i”) membolehkan anda untuk menukar sebahagian dan/atau keseluruhan baki runcit belum dijelaskan anda dalam kad kredit CIMB Islamic Bank anda kepada pelan ansuran bulanan.</p> <p>Penukaran Baki-i tidak terpakai terhadap transaksi tunai dan berasaskan tunai, jumlah ansuran yang kena dibayar di bawah program CIMB Islamic Bank lain seperti CashLite-i, fi tahunan, cukai perkhidmatan, jumlah lampau tempoh dan sebarang caj kemudahan/ caj pampasan lain yang dikenakan oleh CIMB Islamic Bank di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.</p>							
<p><b>2. Apakah yang saya dapat daripada Produk ini?</b></p>							
<p>Anda akan dapat menikmati lebih banyak rebat ke atas caj kemudahan dengan menukar baki runcit belum dijelaskan anda yang terhutang dalam kad kredit CIMB Islamic Bank anda kepada ansuran bulanan yang berpatutan. Ia akan menyebabkan Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang lebih rendah. Rebate yang akan diberikan kepada anda akan berdasarkan kadar Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang dikenakan untuk Penukaran Baki-i.</p>							
<p>Kadar Caj Kemudahan Perlu Dibayar Penukaran Baki-i dikenakan bayaran seperti yang berikut:</p>							
<table border="1"><tr><td>Kadar Rata</td><td>Sehingga 9.80% setahun</td></tr><tr><td>Kadar Efektif</td><td>Sehingga 17.82% setahun</td></tr><tr><td>Tempoh</td><td>6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan</td></tr></table>	Kadar Rata	Sehingga 9.80% setahun	Kadar Efektif	Sehingga 17.82% setahun	Tempoh	6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan	
Kadar Rata	Sehingga 9.80% setahun						
Kadar Efektif	Sehingga 17.82% setahun						
Tempoh	6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan						
<table border="1"><tr><td>Kadar Rata</td><td>Sehingga 9.80% setahun</td></tr><tr><td>Kadar Efektif</td><td>Sehingga 17.82% setahun</td></tr><tr><td>Tempoh</td><td>6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan</td></tr></table>	Kadar Rata	Sehingga 9.80% setahun	Kadar Efektif	Sehingga 17.82% setahun	Tempoh	6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan	
Kadar Rata	Sehingga 9.80% setahun						
Kadar Efektif	Sehingga 17.82% setahun						
Tempoh	6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan						
<table border="1"><tr><td>Kadar Rata</td><td>Sehingga 9.80% setahun</td></tr><tr><td>Kadar Efektif</td><td>Sehingga 17.82% setahun</td></tr><tr><td>Tempoh</td><td>6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan</td></tr></table>	Kadar Rata	Sehingga 9.80% setahun	Kadar Efektif	Sehingga 17.82% setahun	Tempoh	6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan	
Kadar Rata	Sehingga 9.80% setahun						
Kadar Efektif	Sehingga 17.82% setahun						
Tempoh	6, 12, 18, 24, 30, 36 bulan						
<p>Jumlah minimum yang anda boleh tukarkan di bawah produk Penukaran Baki-i ini adalah RM500 dan jumlah maksimum adalah tertakluk kepada baki runcit belum dijelaskan dan had kredit sedia ada anda.</p>							
<p>Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan secara keseluruhannya atau meluluskan jumlah yang lebih rendah bagi Penukaran Baki-i dan jika kami meluluskan jumlah yang lebih rendah, terma-terma lain seperti Caj Kemudahan Perlu Dibayar dan/atau tempoh mungkin berbeza daripada mereka yang pada asalnya dipohon oleh anda.</p>							
<p><i>Anda tidak akan layak kepada sebarang mata bonus atau rebat tunai untuk transaksi Penukaran Baki-i.</i></p>							

### 3. Apakah kewajipan saya?

Bayaran ansuran bulanan anda (“Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i”) adalah dikira berdasarkan cara yang digambarkan dalam contoh di bawah. Setiap Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i akan dibilkan ke akaun kad kredit CIMB Islamic Bank anda dan anda akan diperlukan untuk membuat Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i dengan sepenuhnya menjelang tarikh matang kad kredit setiap bulan.

Gambaran di bawah menunjukkan potongan bulanan bagi jumlah prinsipal dan Caj Kemudahan Perlu Dibayar daripada jumlah prinsipal Penukaran Baki-i belum dijelaskan anda berdasarkan Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i anda:

Jumlah Penukaran Baki-i	RM1,000
Tempoh	12 bulan
Caj Kemudahan Perlu Dibayar Penukaran (Kadar Rata)	9.80% setahun
Caj Kemudahan Perlu Dibayar Penukaran (Kadar Efektif)	17.62% setahun
Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i	RM91.50*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM98.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM1,098.00

Bulan	Jumlah Prinsipal Penukaran Baki-i Belum Dijelaskan (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i (RM)
1	1,000.00	76.42	15.08	91.50
2	923.58	77.68	13.82	91.50
3	845.90	78.94	12.56	91.50
4	766.96	80.19	11.31	91.50
5	686.77	81.45	10.05	91.50
6	605.32	82.71	8.79	91.50
7	522.62	83.96	7.54	91.50
8	438.65	85.22	6.28	91.50
9	353.44	86.47	5.03	91.50
10	266.97	87.73	3.77	91.50
11	179.23	88.99	2.51	91.50
12	90.24	90.24	1.26	91.50
<b>Jumlah</b>		<b>1,000.00</b>	<b>98.00</b>	<b>1,098.00</b>

\* Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i bagi bulan pertama mungkin berbeza disebabkan pembundaran jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar/prinsipal.

Jumlah Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i adalah tetap. Sebarang pra-bayaran atau bayaran lebihan tidak akan mengurangkan jumlah prinsipal belum dijelaskan atau Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i yang berikutnya dan hanya akan dianggap oleh Bank sebagai bayaran pendahuluan bagi ansuran masa depan.

#### 4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Tiada fi pemrosesan atau fi penyelesaian awal akan perlu dibayar bagi Penukaran Baki-i.

#### 5. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

**Caj Kemudahan Perlu Dibayar:** CIMB Islamic Bank hendaklah memberikan rebat dan mengenakan Caj Kemudahan Perlu Dibayar 18% setahun atas sebarang wang tidak dibayar yang tertunggak dan masih belum dibayar kepada CIMB Islamic Bank selepas tarikh matang yang berkenaan yang dikira atas dasar baki harian. Caj Kemudahan Perlu Dibayar tersebut akan dikenakan ke Akaun dan dikira dari tarikh pemaparan dalam Penyata sehingga bayaran penuh diterima. Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang terakru tersebut hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh matang penyata kad kredit berikutnya.

**Ta'widh (Pampasan):** Jika sebarang Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i tidak dibayar sepenuhnya menjelang tarikh matang penyata kad kredit setiap bulan, tambahan kepada Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang dirujuk di atas, kami akan mengenakan ke atas anda pampasan satu peratus (1%) pada baki belum dijelaskan untuk Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i ini (tertakluk kepada minimum RM 10.00 dan maksimum RM 100.00). Pampasan tersebut mesti dibayar dengan sepenuhnya pada tarikh matang penyata kad kredit berikutnya.

Kami boleh memberi anda tempoh penangguhan selama empat (4) hari kalendar untuk membayar jika tarikh matang bayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.

**Hak Tolakan:** Kami boleh menolak sebarang baki kredit yang anda ada dengan kami terhadap sebarang wang yang terhutang di bawah akaun kad kredit pilihan anda bagi Penukaran Baki-i dengan memberikan anda notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar.

**Tindakan yang mungkin kami ambil:** Kami boleh mengambil tindakan undang-undang mahkamah terhadap anda jika anda tidak membayar kami tepat pada masanya. Kami boleh:-

- hubungi anda untuk mengingatkan anda supaya membayar jumlah belum dijelaskan;
- hantar peringatan kepada anda melalui surat, khidmat pesanan ringkas atau e-mel; atau
- minta kakitangan kami dan/atau kakitangan agensi pungutan hutang yang disumber luar melawat anda di rumah atau tempat perniagaan anda untuk mengingatkan anda tentang kewajipan bayaran anda.

Kami boleh memperuntukkan sebarang wang yang anda ada dalam mana-mana akaun anda dengan kami dan menggunakan hak tolakan kami ke atas wang ini dan/atau menyenaraihitamkan nama anda dengan mana-mana agensi atau biro atau pangkalan data kredit.

Sila ambil perhatian juga bahawa kami mempunyai hak untuk melantik ejen luaran untuk memungut hutang yang tertunggak kepada kami dan untuk menjual hutang anda yang terhutang kepada kami kepada pihak ketiga.

**Peristiwa Ingkar:** Jika anda gagal membayar Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i anda selama 3 bulan berturut-turut atau lebih, semua wang yang tertunggak dan terhutang di bawah Penukaran Baki-i yang terdiri daripada yang berikut akan menjadi tertunggak dan perlu dibayar oleh anda:

- semua Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i yang terhutang;
- jumlah prinsipal tidak dibilkan bagi Penukaran Baki-i;

- caj kemudahan terpakai; dan
- baki semua wang lain yang tertunggak dan terhutang di bawah Penukaran Baki-i

Kami mempunyai hak untuk menuntut anda membayar jumlah yang dinyatakan di atas dengan segera.

#### 6. Bagaimanakah jika saya telah menyelesaikan sepenuhnya baki sebelum kematangannya?

- Tiada tempoh penguncian ("*lock-in period*") atau sekatan penyelesaian awal bagi Penukaran Baki-i.
- Anda boleh melakukan penyelesaian awal bagi jumlah belum dijelaskan sebelum tamat tempoh yang dipersetujui, dengan menghubungi kami di pusat panggilan kami dan memberikan kepada kami notis terdahulu sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kalendar.
- Bagi penyelesaian awal Penukaran Baki-i, anda dikehendaki untuk membayar CIMB Islamic Bank yang berikutnya:
  - a) jumlah Penukaran Baki-i terhutang (iaitu Bayaran Bulanan tertunggak dan tidak dibayar, caj kemudahan, caj pampasan dan caj lain); dan
  - b) jumlah prinsipal bagi Jumlah Penukaran Baki-i yang terhutang di bawah akaun kad kredit anda bagi pembatalan atau penyelesaian awal tersebut.

Berdasarkan gambaran yang berikut, jika anda membuat keputusan untuk membuat penyelesaian awal pada bulan 6, anda akan dikehendaki untuk membayar jumlah prinsipal belum dijelaskan bagi Penukaran Baki-i sebanyak RM605.32.

Jumlah Penukaran Baki-i	RM1,000
Tempoh	12 bulan
Caj Kemudahan Perlu Dibayar Penukaran (Kadar Rata)	9.80% setahun
Caj Kemudahan Perlu Dibayar Penukaran (Kadar Efektif)	17.62% setahun
Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i	RM91.50*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM98.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM1,098.00

Bulan	Jumlah Prinsipal Penukaran Baki-i Belum Dijelaskan (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i (RM)
1	1,000.00	76.42	15.08	91.50
2	923.58	77.68	13.82	91.50
3	845.90	78.94	12.56	91.50
4	766.96	80.19	11.31	91.50
5	686.77	81.45	10.05	91.50
6	605.32	82.71	8.79	91.50
7	522.62	83.96	7.54	91.50

8	438.65	85.22	6.28	91.50
9	353.44	86.47	5.03	91.50
10	266.97	87.73	3.77	91.50
11	179.23	88.99	2.51	91.50
12	90.24	90.24	1.26	91.50
<b>Jumlah</b>		<b>1000.00</b>	<b>98.00</b>	<b>1,098.00</b>

\* Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i bagi bulan pertama mungkin berbeza disebabkan pembundaran jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar/prinsipal.

#### 7. Apakah risiko utama?

- Bayaran Bulanan Penukaran Baki-i mesti dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit. Sila fikirkan akan keupayaan bayaran anda apabila memohon Penukaran Baki-i.
- Caj Kemudahan Perlu Dibayar akan dikenakan pada sebarang wang tidak dibayar yang tertunggak dan masih belum dibayar di bawah kemudahan Penukaran Baki-i pada setiap tarikh matang penyata kad kredit.
- Jika anda mempunyai sebarang masalah membayar sebarang wang yang tertunggak di bawah Penukaran Baki-i menjelang tarikh matang penyata kad kredit, hubungi kami terdahulu untuk membincang alternatif bayaran.

#### 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Ia adalah mustahak anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

#### 9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

##### **CIMB Islamic Bank Berhad**

##### **Unit Resolusi Pelanggan**

Alamat : Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan.

Telefon : +603 6204 7788

E-mel : [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

Jika anda mengalami masalah dalam membuat bayaran, anda harus menghubungi kami seawal mungkin untuk membincang alternatif bayaran.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh hubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Telefon : +603 2616 7766

Laman Web : [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)

Anda juga boleh menyertai Program “Pengurusan Wang Ringgit Anda” (POWER) yang ditawarkan oleh AKPK yang menggalakkan disiplin kewangan dan pengurusan kewangan berhemat. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar, sila hubungi AKPK di +603 2616 7766 atau layari laman web di [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda juga boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan kami.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskan, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato’ Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1 300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### **10. Produk kad kredit-i lain sedia ada:**

Sila rujuk ke laman web CIMB Islamic Bank di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my).

#### **NOTA PENTING:**

- 1) TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN PADA BAKI KAD KREDIT-I ANDA.**
- 2) SEKIRANYA ANDA MEMERLUKAN PENJELASAN LANJUT PADA LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI, SILA RUJUK KEPADA KAKITANGAN BANK KAMI.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 24 Ogos 2024.